

08 FEB 1999

Mahkamah-Anwar (Tengah hari)

ANWAR MENGAKU KEBERATAN BUAT LAPORAN POLIS

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mengaku bahawa pada mulanya beliau keberatan untuk membuat laporan polis berhubung dengan dakwaan salahlaku seksual ke atasnya.

Anwar memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa bekas pengarah Cawangan Khas Datuk Mohamed Said Awang dan timbalannya Datuk Amir Junus membuat cadangan itu untuk memudahkan siasatan terhadap perkara itu.

"Mulanya, saya tidak menyokong atau bersetuju terhadap cadangan itu kerana pihak kami beratus-ratus surat dan saya berpendapat PM memang betul ketika itu apabila menasihatkan saya supaya mengabaikan surat-surat itu. Dalam pada itu, ada dakwaan yang serupa terhadap pihak lain dan saya belum menerimanya untuk membuat laporan polis," kata beliau.

Bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan itu berkata reaksi awalnya untuk membuat laporan polis tidak harus dianggap bahawa beliau tidak bersedia untuk disiasat.

Anwar berkata, satu contoh yang laporan polis tidak dibuat ialah dakwaan membabitkan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dalam pembunuhan pengedar video, Mustakizah.

Anwar, 51, sedang membela diri terhadap empat pertuduhan pindaan melakukan amalan rasuah dengan menggunakan kedudukannya untuk mencampuri siasatan polis terhadap dakwaan salahlaku seks ke atasnya.

Beliau dituduh mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1970 yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Anwar yang mengangkat sumpah dalam Bahasa Malaysia dan kemudian memberi keterangan dalam Bahasa Inggeris memberitahu mahkamah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkannya supaya mengabaikan surat-surat berkenaan bertarikh 5 Ogos 1997 yang mengandungi dakwaan itu.

"Saya membaca surat itu. Ia diserahkan kepada saya oleh PM. Beliau memberitahu saya supaya membaca dan memusnahkannya, dan beliau memberitahu saya secara ringkas bagaimana untuk menanganinya sambil berkata beliau sendiri dikaitkan dengan dakwaan berkahwin dengan seorang wanita Cina Singapura. Beliau berkata keputusannya ialah mengabaikannya dan Perdana Menteri menasihatkan saya berbuat demikian," kata Anwar.

Apabila peguam Raja Aziz Addruse bertanya mengapa beliau membuat laporan polis, Anwar berkata beliau menaruh kepercayaan kepada Mohamed Said apabila beliau berkata dakwaan itu serious kerana "kita tidak harus membiarkan mereka yang tidak bertanggungjawab meneruskan dakwaan berniat jahat itu dan mencari kebenaran termasuk mereka yang bersubahat".

Anwar berkata apabila beliau membuat keputusan untuk membuat laporan polis, beliau menyangka bahawa siasatan akan tertumpu kepada surat-surat dan mereka yang bersubahat dan tidak mendorong siasatan terhadap perlakuannya.

Beliau berkata selepas Mohamed Said dan Amir memberitahunya mereka menyaki percubaan oleh beberapa ahli politik bahawa dakwaan mesti disiasat secara terperinci dan Mohamed Said berkata "secara terperinci".

"Mereka memberitahu saya bahawa KPN telahpun menerima surat dan apabila mereka datang menemui saya selepas pertemuan dengan KPN, saya beranggapan bahawa KPN mengetahui tentang apa yang mereka hendak lakukan," kata beliau.

Anwar berkata Mohamed Said dan Amir memandang berat kerana mereka percaya ada orang lain terbabit menulis surat-surat itu dan merancangnya.

Terdahulu, ketika ditanya tentang suasana semasa pertemuan dengan

Mohamed Said dan Amir, Anwar berkata, "mesra, tidak formal dan ramah seperti kebanyakan pertemuan dengan Peguam Negara, kata beliau sambil tersenyum kepada Tan Sri Mohtar Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan.

Anwar berkata Cawangan Khas bimbang tentang surat itu kerana mereka berpendapat isu itu membabitkan keselamatan negara dan percubaan untuk mencemarkan nama baik para pemimpin.

"Mereka berminat untuk menyiasat untuk mengenal pasti mereka yang terbabit dan mereka yang merancangnya dari belakang. Saya bersetuju dengan mereka lkerana saya tahu tentang niat jahat penulis dan saya mempunyai musuh politik yang akan melakukan apa sahaja untuk mencapai agenda mereka," kata beliau.

Beliau juga memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak percaya satupun daripada pertubuhan yang disebut dlama surat layang "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim", termasuk ABIM terbabit dan Mohamed Said dna Amir berbincang dengan beliau mengenai perkara itu.

Ketika ditanya sama ada beliau memberi arahan untuk menangkap Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar, iaitu mereka yang bertanggungjawab bagi surat mengandungi dakwaan salahlaku seks, Anwar menafikan yang beliau memberi arahan seperti itu kepada Mohamed Said and Amir.

"Tiada perbincangan atau cadangan oleh saya atau oleh mereka mengenai penangkapan Ummi dan Azizan. Apa yang mereka memberitahu saya ialah mereka sedang mencari kedua-dua mereka. Saya difahamkan bahawa mereka mahu berbincang dengan kedua-dua mereka selepas laporan polis dibuat oleh Zull Aznam," kata beliau.

"Saya menyerahkan kepada polis untuk mengendalikan perkara itu. saya menaruh kepercayaan kepada kebijaksanaan dan kecekapan polis. Tetapi tidak lagi sekarang-lah," kata beliau.

Anwar berkata, dari semasa ke semasa, terutama sebelum Perhimpunan Agung UMNO, ahli politik termasuk beliau sendiri tidak dapat lari daripada menerima banyak "surat layang" dna surat seumpama itu ditujukan ke atas banyak pihak termasuk PM dan menteri lain.

Anwar berkata beliau tida memandang serius perkara mengenai suat itu apabila Mohamed Said dan Amir melahirkan kebimbangan mengenai penyebaran surat berkenaan yang dilakukan serentak dengan Perhimpunan Agung UMNO.

"Saya memberitahu mereka mengenai nasihat PM. Saya sendiri menyifatkan dakwaan itu berniat jahat dna tidak bertanggungjawab dna saya menafikan dakwaan itu seketras-kerasnya," kata beliau.

Katanya, surat Ummi ialah yang pertama mengandungi tohmahan terhadapnya dan beliau menerima surat dengan sampul yang sama dialamatkan kepada PM tetapi kandungannya lebih pendek dan lembut, sebahagian dakwaan itu ialah terhadap abangnya, Azmin kerana tidak membantunya.

Terdahulu, Anwar berkata Mohamed Said dan Amir sering menemuinya sebelum dan selepas 1997.

"Walaupun mereka bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri, mereka datang menemui saya untuk memberi taklimat mengenai isu-isu politik dan ekonomi dan mengenai reaksi umum terhadap dasar dna kepimpinan kerajaan," kata beliau.

Anwar berkata mereka datang menemui beliau untuk tujuan yang sama seperti kebanyakan para pegawai kanan yang lain iaitu mereka tidak mempunyai akses kepada PM seperti saya dan mereka mahukan beliau dimaklumkan mengenai perkara-perkara itu.

Beliau berkata pertemuan itu ialah minimum sebulan sekali dan ada kalanya apabila pertemuan ditetapkan lebih sejkali dna ia ditetapkan oleh bekas setiausaha sulitnya, Mohd Azmin Ali dan kebanyakan pertemuan diatur oleh Amir dan bekas juruiringnya, ASP Zull Aznam Haron.

"Kerana jadual saya, saya biasanya menemui mereka di rumah selepas makan tengah atau malam. Ini tidak luar biasa kerana saya berbuat demikian

dengan pegawai kanan dan menteri yang lain di rumah pada waktu malam iaitu 9.30 hingga 10.30 malam atau lewat daripada itu," kata beliau.

Anwar berkata beliau menganggap pertemuan antara beliau, Mohamed Said dan Amir berhubung dengan dakwaan itu sebagai "amat sulit dan semata-mata soal peribadi".

Ketika ditanya mengenai penangkapan Ummi dan Azizan pada 17 Ogos, 1997, Anwar berkata para pegawai kanan Cawangan Khas datang ke kediaman rasminya dan memberitahu beliau bahawa mereka telah ditangkap di rumah Dr Ristina Majid di Bangsar dan beliau juga diberi taklimat mengenai pembabitan Datuk Aziz Shamsuddin, setiausaha politik dan kedua-dua pegawai percaya bahawa ramai lagi yang terbabit.

"Saya mengenali Dr Ristina secara peribadi. saya pernah mendengar mengenainya dan sedar tentang pertaliannya dengan orang yang kaya dan terkenal di sekitar KL," kata beliau.

Anwar berkata beliau bersama dengan Mohamed Said dan Amir mengadakan perbincangan yang lama malam itu kerana mereka menjelaskan kepada beliau bahawa pembabitan Aziz tentu akan menyulitkan isu bagi kes dan Dr Ristina pula dikenali di kalangan Orang Kenamaan.

Ketika ditanya mengapa pembabitan Aziz akan menyulitkan keadaan, Anwar berkata ia kerana beliau ialah setiausaha politik PM dan di kalangan kepimpinan UMNO, sudah diketahui umum beliau menaruh dendam terhadapnya.

Anwar berkata, semasa perbincangan, Mohamed Said dan Amir ingin tahu tentang hubungannya secara personal dengan PM dan beliau memberi jaminan kepada mereka bahawa hubungan ketika itu "cukup baik".

"Saya tidak percaya ketika itu bahawa PM memberi restu bagi pembabitan Aziz," kata Anwar.

Anwar berkata apabila Azizan meminta maaf kepada beliau pada pertemuan di rumahnya, beliau tidak begitu berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan tetapi apabila Azizan menyebut bahawa beliau "murtad" jika meneruskan dakwaan itu, Anwar berkata beliau memaafkan Azizan dan menyuruhnya pulang.

"Saya memberitahunya, O.Klah. Baliklah kerana saya menyangka beliau benar-benar berniat demikian," kata Anwar dan kemudian menjelaskan bahawa murtad ialah kesalahan yang amat serius jika dilakukan oleh seorang Islam dan beliau memandang serius kerana Azizan telah menggunakan perkataan itu.

Anwar akan menyambung keterangan membela diri pada 9 pagi esok.

-- BERNAMA  
SBB NHD FAZ